

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
KAWASAN : PENGGALAN CHEPA
TARIKH : 18 JUN 2014, RABU

SOALAN:

YB. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN (PENGGALAN CHEPA) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menaik taraf dan melebar jalan pelancongan daripada Kg. Cina ke Pantai Cahaya Bulan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan dari Kg. Cina ke Pantai Cahaya Bulan, Kelantan ialah berstatus Jalan Persekutuan (FT223). Jalan tersebut kini diselenggara oleh syarikat konsesi yang dilantik Kerajaan (Roadcare Sdn. Bhd.). Kementerian ini sememangnya ada perancangan untuk meninggikan aras di sebahagian jalan tersebut yang kerap ditelenggami air akibat kejadian banjir. Anggaran kos projek yang terlibat ialah sebanyak RM1 juta. Projek ini akan dilaksanakan mengikut senarai keutamaan projek-projek jalan yang terlibat dengan bencana banjir di seluruh negara.

Sekian. Terima kasih.